



**TAWARAN PENAJAAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT PERSEDIAAN DAN IJAZAH  
PERTAMA DI BAWAH PROGRAM PENAJAAN 9A+  
TAHUN 2017**

**1. PENGENALAN**

Program Penajaan 9A+ (P9A+) tahun 2017 merupakan penajaan kepada pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2016 yang **memperoleh keputusan A+ dalam sekurang-kurangnya sembilan (9) mata pelajaran tanpa mengambil kira gred mata pelajaran selebihnya (sekiranya ada)** untuk melanjutkan pengajian ke universiti-universiti di dalam negara. Calon-calon akan ditawarkan penajaan secara Pinjaman Boleh Ubah (PBU) untuk mengikuti pengajian peringkat Persediaan sehingga ke Ijazah Pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan pengiktirafan bidang.

## 2. PERINGKAT PENGAJIAN

Program Persediaan	Ijazah Pertama
Pelajar-pelajar akan mengikuti program persediaan di dalam negara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti di <b>Lampiran A.</b>	Pelajar-pelajar akan ditaja untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di institusi pengajian tinggi dalam negara sahaja. Senarai universiti adalah seperti di <b>Lampiran B.</b>

Sekiranya pelajar **tidak menamatkan kursus persediaan** atau menamatkan kursus Persediaan dengan **tidak melepasi had kecemerlangan (*Cut of Point*) yang ditetapkan oleh Kerajaan** untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama, **penajaan pelajar akan ditamatkan.**

## 3. SYARAT PENAJAAN

### 3.1 Syarat Umum

- (i) Calon adalah warganegara Malaysia;
- (ii) Ibu dan/atau bapa dan/atau ahli keluarga tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang JPA;
- (iii) Calon tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama; dan

- (iv) Calon-calon bagi bidang Perubatan, Pergigian dan Farmasi hendaklah mempunyai kesihatan yang baik dan tidak mengidap penyakit-penyakit kritikal seperti Hepatitis, AIDS, HIV dan sebagainya.

### 3.2 Syarat Khusus

- (i) Menduduki peperiksaan **SPM tahun 2016 kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk **sekolah khas, sekolah swasta** dan **calon-calon persendirian**;
  - (ii) **Memperoleh keputusan A+ dalam sekurang-kurangnya sembilan (9) mata pelajaran tanpa mengambil kira gred mata pelajaran selebihnya (sekiranya ada); dan**
  - (iii) Umur **belum mencapai 18 tahun** (19 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.
  - (iv) **Berjaya mendapat tawaran pengajian dan memulakan pengajian sebelum atau pada 31 Disember 2017 di universiti yang ditetapkan.**
4. Sekiranya pelajar ditawarkan lebih daripada satu (1) program penajaan oleh JPA, pelajar hanya layak untuk memilih satu (1) program penajaan sahaja dan **tawaran-tawaran lain** oleh JPA secara automatik **adalah terbatal.**

## 5. PENAJAAN KE PROGRAM PERSEDIAAN

Pelajar-pelajar akan mengikuti program persediaan di dalam negara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti di **Lampiran A**.

## 6. PENAJAAN KE PERINGKAT IJAZAH PERTAMA

Pelajar-pelajar akan ditaja untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di institusi pengajian tinggi dalam negara mengikut bidang seperti senarai di **Lampiran B** sahaja dengan syarat **pelajar melepasi had kecemerlangan yang ditetapkan oleh Kerajaan**.

## 7. JPA tidak menaja program pengajian seperti berikut:

- a) Pendidikan;
- b) Program yang mewajibkan pelajar mengambil lesen juruterbang;
- c) Program Kejururawatan / Separa Perubatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- d) Kursus-kursus profesional seperti ACCA, CLP dan Linux;
- e) Program berkembar dengan institusi luar negara;
- f) Program *Double Degree*; dan
- g) Program-program lain yang tidak atau belum diiktiraf oleh Kerajaan bagi maksud lantikan ke Perkhidmatan Awam.

## 8. MEKANISME PERJANJIAN PINJAMAN

Calon-calon yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- a. Pinjaman akan ditukar kepada biasiswa dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam; atau
- b. Bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC); atau
- c. Bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara; atau
- d. Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman.

## **9. CARA MEMOHON PROGRAM PENAJAAN 9A+**

- 9.1 Pelajar yang berminat perlu mengisi *eprofiling* secara atas talian (*online*) di <http://esilav2.jpa.gov.my> yang dibuka khusus kepada calon terlibat sahaja.
- 9.2 Pelajar perlu memohon sendiri dan mendapatkan surat tawaran daripada institusi pengajian (peringkat persediaan) sebelum melengkapkan *eprofiling* sebelum atau pada 22 Mei 2017 jam 5.00 petang;
- 9.3 Setelah melengkapkan permohonan, pelajar perlu menghantar salinan dokumen (*soft copy*) ke alamat emel iaitu [penawaranlsp@jpa.gov.my](mailto:penawaranlsp@jpa.gov.my) . Surat tawaran penajaan JPA akan dikeluarkan selepas salinan dokumen tersebut diterima lengkap.

9.4 Senarai dokumen yang perlu dihantar adalah seperti berikut:

- i. Slip Pengesahan Permohonan;
- ii. Salinan Kad Pengenalan Pemohon; dan
- iii. Surat Tawaran Institusi Pengajian.

9.5 Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini/ meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data.

9.6 **Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal** boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3049** pada setiap hari bekerja mulai jam 8:30 pagi hingga jam 5:00 petang.

## 10. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **22 Mei 2017 (Isnin) jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

## 11. TARIKH-TARIKH PENTING

Aktiviti	Tarikh
e-Profiling dibuka	3 April 2017
e-Profiling ditutup	22 Mei 2017
Surat Tawaran JPA Dikeluarkan	2 Jun 2017

**SENARAI PROGRAM PERSEDIAAN YANG DITAWARKAN DI BAWAH  
PROGRAM PENAJAAN 9A+**

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PROGRAM</b>
1.	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)
2.	Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
3.	Asasi Universiti Awam (UA)  Contoh: Asasi UIAM; Asasi Sains UM; Asasi UNIMAS; Asasi UMS; Asasi UniSZA; Asasi Pengajian Islam UM; Tahmidi USIM; Asasi UKM dan lain-lain.
4.	<i>Foundation IPTS*</i>

**\* Dilaksanakan di Institusi-institusi seperti di Lampiran B**

LAMPIRAN B

SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH PROGRAM 9A+

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	INSTITUSI	BIDANG
Universiti Awam	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Universiti Malaya (UM)</li> <li>2. Universiti Sains Malaysia (USM)</li> <li>3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</li> <li>4. Universiti Putra Malaysia (UPM)</li> <li>5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)</li> <li>6. Universiti Teknologi MARA (UiTM)</li> <li>7. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)</li> <li>8. Universiti Malaysia Sabah (UMS)</li> <li>9. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</li> <li>10. Universiti Utara Malaysia (UUM)</li> <li>11. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)</li> <li>12. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)</li> <li>13. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)</li> <li>14. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)</li> <li>15. Universiti Malaysia Pahang (UMP)</li> <li>16. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)</li> <li>17. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)</li> <li>18. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)</li> <li>19. Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)</li> <li>20. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)</li> </ol>	Semua bidang kecuali di <b>Para</b> <b>7</b>
Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. International Medical University (IMU)</li> <li>2. Universiti Kuala Lumpur – Royal College of Medicine Perak</li> <li>3. AIMST University (Asian Institute of Medicine, Science &amp; Technology)</li> <li>4. UCSI University</li> <li>5. Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)</li> <li>6. Management &amp; Science University (MSU)</li> <li>7. MAHSA University</li> <li>8. University Tunku Abdul Rahman (UTAR)</li> <li>9. Taylor’s University</li> <li>10. Monash University Malaysia, Sunway Campus</li> <li>11. Newcastle University Medicine Malaysia</li> <li>12. Universiti Perdana – RCSI</li> <li>13. SEGi University</li> <li>14. Lincoln University College</li> </ol>	Perubatan



**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH PROGRAM 9A+**

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>	<b>INSTITUSI</b>	<b>BIDANG</b>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. AIMST University (Asian Institute of Medicine, Science &amp; Technology)</li> <li>2. International Medical University (IMU)</li> <li>3. MAHSA University College</li> <li>4. SEGi University &amp; College</li> </ol>	Pergigian
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. UCSI University</li> <li>2. International Medical University (IMU)</li> <li>3. AIMST University (Asian Institute of Medicine, Science &amp; Technology)</li> <li>4. Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)</li> <li>5. Asia Metropolitan University (AMU)</li> <li>6. Management &amp; Science University (MSU)</li> <li>7. SEGi University &amp; College</li> <li>8. Monash University Malaysia</li> <li>9. MAHSA University</li> <li>10. Taylor's University</li> <li>11. Lincoln University College</li> <li>12. Universiti Kuala Lumpur – Royal College of Medicine Perak (UniKL- RCMP)</li> <li>13. KPJ Healthcare University College</li> <li>14. Quest International University Perak (QIUP)</li> </ol>	Farmasi
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Taylor's University</li> </ol>	Senibina (Merangkumi Part I dan Part II)
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. AIMST University (Asian Institute of Medicine, Science &amp; Technology)</li> <li>2. Asia Pasific University of Technology and Innovation (APU)</li> <li>3. Curtin University of Technology</li> <li>4. Infrastructure University Kuala Lumpur (IUUKL)</li> <li>5. INTI International University</li> <li>6. KDU University College, Utropolis Glenmarie</li> <li>7. Monash University Malaysia</li> <li>8. Nilai University</li> <li>9. SEGi University</li> </ol>	Kejuruteraan

**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH PROGRAM 9A+**

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>	<b>INSTITUSI</b>	<b>BIDANG</b>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>10. Swinburne University of Technology Sarawak Campus</li> <li>11. Taylor’s University</li> <li>12. The University of Nottingham Malaysia Campus</li> <li>13. UCSI University</li> <li>14. UniKL Kuala Lumpur – British Malaysian Institute</li> <li>15. UniKL Kuala Lumpur – Malaysia France Institute</li> <li>16. Universiti Selangor</li> <li>17. Universiti Tunku Abdul Rahman</li> <li>18. UTM - Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIT)</li> <li>19. University Teknologi Petronas (UTP)</li> <li>20. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)</li> <li>21. Multimedia University (MMU)</li> </ol>	Kejuruteraan
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. University Teknologi Petronas (UTP)</li> <li>2. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)</li> <li>3. Multimedia University (MMU)</li> <li>4. UTM - Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIT)</li> <li>5. Curtin University of Technology</li> <li>6. Monash University Malaysia</li> <li>7. Swinburne University of Technology Sarawak Campus</li> <li>8. The University of Nottingham Malaysia Campus</li> <li>9. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)</li> <li>10. Asia Pacific University of Technology and Innovation</li> <li>11. Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL)</li> <li>12. INTI International University</li> <li>13. Management and Sciences University (MSU)</li> <li>14. Open University Malaysia</li> <li>15. SEGi University</li> <li>16. Sunway University</li> <li>17. Taylor’s University</li> <li>18. UCSI University</li> <li>19. Universiti Selangor</li> <li>20. Universiti Tunku Abdul Rahman</li> <li>21. Wawasan Open University</li> </ol>	Sains & Teknologi

## SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH PROGRAM 9A+

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	INSTITUSI	BIDANG
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)</li> <li>2. Multimedia University (MMU)</li> <li>3. Curtin University of Technology</li> <li>4. Swinburne University of Technology Sarawak Campus</li> <li>5. The University of Nottingham Malaysia Campus</li> <li>6. Monash University Malaysia</li> <li>7. Asia Pacific University of Technology and Innovation</li> <li>8. Binary University of Management and Interpreneurship</li> <li>9. Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL)</li> <li>10. INTI International University &amp; Colleges</li> <li>11. Management and Sciences University (MSU)</li> <li>12. Nilai University</li> <li>13. Open University Malaysia</li> <li>14. SEGi University</li> <li>15. Sunway University</li> <li>16. Taylor's University</li> <li>17. UCSI University</li> <li>18. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)</li> <li>19. Universiti Selangor</li> <li>20. Universiti Tunku Abdul Rahman</li> <li>21. Wawasan Open University</li> <li>22. Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)</li> <li>23. Universiti Teknologi Kreatif LimKokWing</li> </ol>	Sains Sosial

### KEWAJIPAN PELAJAR

Pelajar wajib mematuhi perkara-perkara berikut:

1. Program yang dipilih hendaklah dilaksanakan **secara sepenuh masa di Malaysia**.
2. Bagi bidang pengajian yang melibatkan badan profesional seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, undang-undang, perakaunan, senibina dan bidang-bidang profesional lain, pelajar perlu **memastikan program yang diikuti diiktiraf oleh badan-badan profesional berkaitan**. Senarai badan profesional adalah seperti di **Lampiran C**.
3. Bagi bidang pengajian bukan profesional, pelajar bertanggungjawab untuk **memastikan program yang diikuti diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**.

## SENARAI BADAN – BADAN PROFESIONAL MALAYSIA

BIL	BIDANG	BADAN PROFESIONAL
1.	Perubatan	Majlis Perubatan Malaysia
2.	Pergigian	Majlis Pergigian Malaysia
3.	Farmasi	Lembaga Farmasi Malaysia
4.	Perakaunan	Institut Akauntan Malaysia
5.	Undang-Undang	Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang
6.	Kejuruteraan	Lembaga Jurutera Malaysia
7.	Senibina	Lembaga Arkitek Malaysia  *Bagi bidang senibina, universiti yang disenaraikan adalah berdasarkan senarai Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan menawarkan pengajian peringkat <b>Part I dan Part II</b> ;
8.	Bidang-Bidang Lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lembaga Juruukur Bahan Malaysia</li> <li>ii. Lembaga Juruukur Tanah Malaysia</li> <li>iii. Lembaga Penilai, Pentaksir &amp; Ejen Harta Tanah</li> <li>iv. Lembaga Perancang Bandar Malaysia</li> <li>v. Majlis Optik Malaysia</li> <li>vi. Majlis Veterinar Malaysia</li> </ul>